

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.11.2017

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pertumbuhan ekonomi terhadap suasana perdagangan dan perniagaan .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2017, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka meningkat kukuh antara 5.2 peratus dan 5.7 peratus. Permintaan domestik kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dan dijangka berkembang 6.4 peratus berbanding 4.3 peratus pada tahun 2016, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Dari sudut penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh prestasi lebih kukuh dalam semua

sektor dengan sektor perkhidmatan diunjur berkembang 5.9 peratus dan pembuatan sebanyak 5.5 peratus. Kedua-dua sektor kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan.

2. Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan ekonomi negara terus kukuh serta kekal berdaya tahan dan berdaya saing. Aktiviti ekonomi yang rancak memberi impak yang positif kepada prestasi perdagangan dan perniagaan. Jumlah dagangan barangan meningkat ketara sebanyak 22.6 peratus dalam tempoh lapan bulan pertama 2017 (Januari - Ogos 2016: 0.9 peratus) sebahagian besarnya dipacu oleh permintaan bagi barangan pembuatan dan komoditi yang lebih tinggi. Eksport kasar mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 22.2 peratus dan import sebanyak 23 peratus (Januari - Ogos 2016: 1 peratus; 0.9 peratus). Bagi tahun 2017, kedudukan sektor luaran akan terus berdaya tahan dengan eksport kasar dijangka meningkat 16.6 peratus (2016: 1.2 peratus) disokong aktiviti perdagangan global yang kekal rancak yang diunjur berkembang sebanyak 4.2 peratus (2016: 2.4 peratus).

3. Persekitaran perniagaan yang menggalakkan akan meningkatkan pelaburan dan seterusnya akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Hal ini akan memberi manfaat kepada rakyat melalui

agikan pendapatan isi rumah dan keuntungan syarikat yang tinggi serta dapat mengurangkan kadar pengangguran. Usaha Kerajaan dalam menarik pelaburan telah membuahkan hasil dengan aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) ke negara sebanyak RM25.2 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun ini (Januari - Jun 2016: RM26.1 bilion) terutamanya dari China, UK, Jepun dan Hong Kong. Pelaburan ini disalurkan terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Bagi tahun 2017, pelaburan swasta pada harga semasa diunjur terus mencatat pertumbuhan yang rancak sebanyak 11.2 peratus kepada RM235 bilion (2016: 6.4 peratus; RM 211.3 bilion) disokong oleh pelaksanaan projek baharu dan yang sedang dilaksanakan. Perkembangan ini adalah selaras dengan Indeks Keadaan Perniagaan oleh MIER yang bertambah baik kepada 103.1 mata, dalam tempoh suku ketiga 2017 berbanding 83.9 mata bagi tempoh yang sama tahun lalu, menggambarkan sentimen perniagaan yang lebih optimis.

4. Kerajaan terus menambah baik persekitaran perdagangan dan perniagaan agar dapat menggalakkan aktiviti ekonomi dalam negara.

Inisiatif ini termasuk menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik, meningkatkan perdagangan dan produktiviti serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara. Di bawah Bajet 2018, Kerajaan juga telah mengumumkan

pelbagai inisiatif dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan termasuk:

- memperuntukkan RM150 juta kepada MATRADE, MIDA dan SME Corp bagi melaksanakan aktiviti promosi dan peluasan pasaran eksport termasuk *Market Development Grant*;
- menyediakan RM1 bilion di bawah EXIM Bank bagi kemudahan kredit perlindungan insurans dan RM200 juta untuk kemudahan kredit pembiayaan kepada pengeksport PKS;
- menyediakan RM100 juta sebagai pinjaman dengan 70 peratus jaminan Kerajaan bagi mengautomasi pengeluaran perabot tempatan untuk tujuan eksport;
- memperuntukkan RM1 bilion kepada Lima Koridor Utama merangkumi pembangunan Proton City, Educity dan Youth City, Tanjung Malim serta Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam; pembinaan pelabuhan dan kawasan perindustrian Tok Bali, Kelantan serta jalan akses ke Empangan Baleh, Sarawak;
- memperuntukkan RM200 juta untuk dana strategik berimpak tinggi bagi MIDA; dan
- melanjutkan galakan cukai bagi *Principal Hub* sehingga 31 Disember 2020 bagi terus meletakkan Malaysia sebagai lokasi pelaburan langsung asing.

Tuan Yang Dipertua,

5. Kesemua inisiatif Kerajaan ini akan membantu merancang perdagangan dan pelaburan seterusnya memastikan negara terus berada di landasan pertumbuhan yang kukuh, di samping memacu Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada 2020 serta menggandakan ekonomi menjelang 2025.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 [SELASA]
SOALAN : 25

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan dan mencapai nisbah pengajian sains sastera kepada 60:40 menjelang 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) merupakan dasar dan strategi utama yang dirangka untuk memperkasakan pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara. Teras utama DSTIN yang menyumbang kepada peningkatan minat dan kesedaran terhadap sains adalah Teras 2 iaitu Membangun, Memupuk dan Menggilap Bakat serta Teras 5 iaitu Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI.

Pelbagai projek dan aktiviti telah dilaksanakan dibawah kedua-dua Teras ini terutamanya bagi menggalakkan pembudayaan STI. Ia termasuk usaha-usaha untuk meningkatkan dan mencapai nisbah pengajian sains:sastera kepada 60:40 menjelang 2020.

Dasar 60 peratus pelajar sains/teknikal berbanding 40 peratus pelajar sastera (60:40) yang mula dilaksanakan pada tahun 1970 masih belum mencapai sasarannya sehingga kini. Berdasarkan maklumat yang dipetik dari laporan pencapaian Dasar 60:40 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pencapaian enrolmen murid untuk aliran Sains dan Teknologi adalah 47 % pada tahun 2014.

Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi menerapkan elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah menerusi program pembudayaan STI yang dilaksanakan Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara seperti program *Creativity & Science4U*, *ScienceFest*, Singgah Sains dan Perkampungan Sains. Modul program ini dibentuk bagi menarik minat pelajar melalui pendekatan aktiviti berkonsepkan *hand's on* dan *mind's on*. Ia berfungsi mengubah tanggapan bahawa sains itu bukanlah sesuatu yang sukar, tetapi sains itu sesuatu yang mudah lagi menyeronokkan.

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI turut membantu dan menyokong usaha pelbagai agensi kerajaan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja teknikal yang mahir dan cekap melalui penubuhan *Malaysia Board of Technologists* (MBOT). MBOT merupakan sebuah badan berkanun, yang berperanan sebagai badan untuk mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional serta Juruteknik Bertauliah sebagai profesion iktisas. Ia juga berfungsi sebagai badan menyelenggara pendaftaran Teknologis Berijazah dan Juruteknik Berkelayakan. MBOT turut menyediakan program pembangunan dan

latihan profesional serta menjalankan penilaian program teknologi dan teknikal yang berkaitan.

Selain MOSTI, inisiatif memantapkan lagi pendidikan STEM juga dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Ia bertujuan meningkatkan minat pelajar terhadap bidang STEM bermula dari pra-sekolah sehingga menengah atas dengan harapan pelajar akan memilih aliran STEM di peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam aspek dasar dan halatuju peringkat nasional, MOSTI bersama-sama kementerian lain termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan beberapa agensi lain sedang membangunkan Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025. Pelan ini dihasilkan bertujuan untuk melaksanakan strategi dan inisiatif yang telah dikenal pasti bagi meningkatkan bilangan pelajar yang mengikuti aliran STEM dan memilih kerjaya berkaitan STEM. Pelaksanaan pelan ini merupakan gerakan menyeluruh dan bersepadu dengan penglibatan semua pihak iaitu Kerajaan, guru, komuniti, industri dan ibu bapa.

Semasa pembentangan Bajet 2018, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Penubuhan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Nasional. Melalui penubuhan Pusat STEM Nasional ini, profesionalisme pendidik dalam bidang STEM dipertingkatkan dengan menggunakan kepakaran secara kolaboratif dengan pihak universiti, industri dan agensi-agensi lain.

Sekian, terima kasih.